

- 1 Kaedah yang sama dan konsisten digunakan untuk mengendalikan kerja-kerja merekod dan pemprosesan data.

Apakah prinsip perakaunan di atas?

- A Ketekalan
 - B Materialiti
 - C Pemandanan
 - D Catatan bergu
- 2 Antara yang berikut, yang manakah merupakan aset bagi Perniagaan Perabot Maju ?
- A Perabot yang digunakan di pejabat
 - B Bayaran angkutan perabot dari kilang
 - C Penerimaan membaiki perabot daripada pelanggan
 - D Perabot persendirian yang dibawa masuk untuk kegunaan persendirian
- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Runcit Teras Maju.

	RM
Premis	60 000
Akaun belum bayar	5 200
Akaun belum terima	8 500
Tunai di tangan	1 200
Bank (baki kredit)	2 500
Pinjaman bank	15 000
Inventori	5 800

Berapakah modal perniagaan Kedai Runcit Teras Maju ?

- A RM46 200
- B RM52 800
- C RM57 800
- D RM98 200

- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Alvin.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2017

		RM
Sewa diterima		1 100

Catatan pelarasan yang perlu diambil kira pada 31 Disember 2017.

- i. Sewa yang belum diterima ialah RM100

Berapakah sewa diterima yang perlu direkodkan dalam Akaun Untung Rugi ?

- A RM100
 - B RM 1 000
 - C RM1 100
 - D RM1 200
- 5 Tempoh perakaunan bagi Perniagaan Ahmad bermula dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017. Perniagaan ini telah membayar sewa tahunan berjumlah RM4 800 sehingga 31 Mac 2018.
- Berapakah jumlah sewa yang mesti direkod bagi tempoh perakaunan di atas?
- A RM1 200
 - B RM3 600
 - C RM3 840
 - D RM4 800
- 6 Jika kita membeli barang niaga secara kredit, apakah dokumen yang akan kita peroleh dari pembekal?
- A Nota debit
 - B Nota kredit
 - C Invois asal
 - D Invois salinan

7 Encik Musa membeli perabot secara kredit daripada Encik Ahmad seorang pembekal perabot berharga RM800.

Apakah catatan bergu yang betul dalam buku catatan Encik Ahmad ?

- A Dt Perabot Kt Encik Ahmad
- B Dt Perabot Kt Encik Musa
- C Dt Encik Musa Kt Jualan
- D Dt Encik Ahmad Kt Jualan

8 Dokumen 1 dihantar oleh Kedai Komputer Hussain kepada pelanggannya

ASAL	INVOIS	No : 2110	
	KEDAI KOMPUTER HUSSAIN 20 Jln Kaki Bukit, 01000 Kangar, Perlis		
Kepada: Perniagaan Surin 50, Jalan Santan 01000 Kangar, Perlis		Tarikh : 3 Mac 2018	
Akaun tuan/puan akan dikreditkan seperti berikut :			
Kuantiti	Butir-butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
5	Komputer ACER	1 000.00	5 000.00
Tolak : Diskaun Niaga 10 %			500.00
JUMLAH			4 500.00
(Ringgit Malaysia : Empat Ribu Lima Ratus sahaja)			
			<i>Hussain</i> Pengurus

Dokumen 1

Apakah **fungsi** diskaun niaga dalam dokumen di atas ?

- A Membolehkan urus niaga tunai tidak dijalankan
- B Membolehkan urus niaga kredit dijalankan
- C Menggalakkan jualan secara berperingkat
- D Menggalakkan belian secara pukal

9 Maklumat berikut diperoleh daripada Jurnal Belian Kedai Minah

Tarikh	Butir	No Dokumen	Jumlah (RM)
2018			
Apr 10	Perniagaan Chin	2002	400
12	Perniagaan Chin	2003	500
30	Akaun belian (dt)		900

Pilih yang benar :

- A Kedai Minah menjual barang niaga secara tunai kepada Perniagaan Chin
- B Perniagaan Chin menjual barang niaga secara tunai kepada Kedai Minah
- C Kedai Minah membeli barang niaga secara kredit daripada Perniagaan Chin
- D Perniagaan Chin membeli barang niaga secara kredit daripada Kedai Minah

10 Dokumen 2 berikut diperolehi daripada Perniagaan Adnan pada 31 Mac 2018

MEMO	
Perniagaan Karem No 5 Jalan Penjara, Perlis	Tarikh : 31 Mac 2018
Kepada: Kerani akaun	
Sila ambil perhatian bahawa saya terlupa mencatat jualan kredit barang niaga kepada Puan Ayu sebanyak RM900. Sila uruskan.	

Dokumen 2

Kerani akaun Perniagaan Karem hendaklah merekodkan butiran dokumen di atas dalam

- A Buku Tunai
- B Jurnal Jualan
- C Jurnal Belian
- D Buku Tunai Runcit

11 Keratan cek di bawah diambil daripada Perniagaan Khairana

Tarikh	: 31 Mac 2018
Bayar	: Perniagaan Fifi
Tujuan	: Menjelaskan invoice 2001

	Ringgit	Sen
Baki akhir	5 400	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	5 400	00
Cek ini	1 400	00
Baki	4 000	00

No : 00455102

Keratan Cek

Berdasarkan dokumen di atas, catatan bergu yang terlibat adalah

	Debit	Kredit
A	Perniagaan Fifi	Tunai
B	Bank	Perniagaan Fifi
C	Tunai	Perniagaan Fifi
D	Perniagaan Fifi	Bank

12 Dokumen 3 ialah resit yang diterima oleh kerani akaun Kedai Kasut Eligan

ASAL	RESIT RASMI	NO: 0411
Perniagaan Berjaya Sdn Bhd 40, Jalan Bukit Keteri 02450 Chuping, Perlis 04-938700		
Tarikh : 20 Disember 2017		
Diterima daripada	: <u>Kedai Kasut Eligan</u>	
Ringgit Malaysia	: <u>Empat ribu dua ratus dua sahaja</u>	
Bayaran Untuk	: <u>Menjelaskan invois no. 8A412</u>	
RM4 202.00		
Tunai / No Cek : 667667 (BCC)		
		<i>Shiela</i> Pengurus

Dokumen 3

Manakah catatan yang betul dalam Buku Tunai (ruangan bank)?

- A Kedai Kasut Eligan – sebelah debit
- B Kedai Kasut Eligan – sebelah kredit
- C Perniagaan Berjaya Sdn. Bhd – sebelah debit
- D Perniagaan Berjaya Sdn. Bhd – sebelah kredit

13 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Borhan Enterprise pada 31 Disember 2017.

	<u>1 Januari 2017</u>	<u>31 Disember 2017</u>
	RM	RM
Akaun belum terima	1 840	2 682
Peruntukan hutang ragu		686
Cek diterima daripada Akaun belum terima		1 240

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM1 084
- B RM2 082
- C RM2 768
- D RM3 282

14 Imbangan Duga Perniagaan Dilla mempunyai beberapa kesilapan.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2018		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		7 000
Inventori awal	2 200	
Jualan		5 248
Belian	3 890	
Angkutan masuk	273	
Hutang lapuk terpulih	100	
Pulangan keluar		85
Insurans	120	
Diskaun diterima	50	
Gaji		2 400
Sewa	3 600	

Berapakah jumlah Imbangan Duga setelah kesilapan tersebut diperbetulkan?

- A RM10 223
- B RM12 483
- C RM14 733
- D RM24 966

15 Apakah yang menyebabkan sesuatu cek menjadi cek tak layan?

- I Tempoh sah laku cek telah tamat
- II Tandatangan cek tidak sama dengan pemilik
- III Jumlah tunai dalam akaun semasa mencukupi
- IV Nama penerima cek ditulis dengan huruf kecil

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Jualan barang niaga RM2 300 kepada Aisyah telah didebitkan dalam akaun Asiah. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am		
Butir	Debit RM	Kredit RM
Aisyah Jualan	2 300	2 300

B

Jurnal Am		
Butir	Debit RM	Kredit RM
Aisyah Asiah	2 300	2 300

C

Jurnal Am		
Butir	Debit RM	Kredit RM
Asiah Jualan	2 300	2 300

D

Jurnal Am		
Butir	Debit RM	Kredit RM
Asiah Aisyah	2 300	2 300

17 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Mutiara Lini Enterprise.

2017		RM
Jan. 6	Membeli alat tulis pejabat secara tunai	500
Julai 15	Membeli alat tulis secara kredit daripada Ahmad Stationary	600
Dis. 31	Inventori alat tulis yang belum digunakan	200

Berapakah jumlah alat tulis yang dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM200
- B RM900
- C RM1 100
- D RM1 300

18 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Wazir pada 31 Disember 2017.

	RM
Mesin (kos)	30 000
Susut nilai terkumpul mesin	6 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2017, Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM1 500
- B Rugi pelupusan RM4 500
- C Untung pelupusan RM1 500
- D Untung pelupusan RM4 500

19 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan Perniagaan Mahmood.

Akaun Perabot			
2017		RM	
Jan 1	Baki b/b	40 000	

Akaun Susut nilai Berkumpul Perabot			
		2017	RM
		Jan 1	Baki b/b
			4 000

Perabot disusutnilaikan menggunakan kaedah baki berkurangan pada kadar 10% setahun.

Berapakah susut nilai bagi tahun 2017?

- A RM3 600
- B RM3 900
- C RM4 000
- D RM8 000

20 Berikut merupakan petikan Imbangan Duga Perniagaan Murni pada 31 Disember 2017.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2017		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun belum terima	6 500	
Peruntukan hutang ragu		350

Maklumat tambahan:

Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya RM500 dianggap sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum diambil kira.

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas akaun belum terima bersih, nyatakan **kesan** terhadap belanja dan hasil perniagaan.

- A Hasil bertambah RM240
- B Hasil bertambah RM110
- C Belanja bertambah RM240
- D Belanja bertambah RM110

21 Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai kurangan dalam Belanjawan Tunai?

- A Apabila jumlah penerimaan lebih daripada jumlah pembayaran
- B Apabila jumlah penerimaan kurang daripada jumlah pembayaran
- C Apabila jumlah pendapatan modal lebih daripada jumlah perbelanjaan modal
- D Apabila jumlah pendapatan modal kurang daripada jumlah perbelanjaan modal

22 Apakah tujuan disediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Menentukan Untung atau Rugi Kasar
- B Menentukan Untung atau Rugi Bersih
- C Menentukan bahagian Untung atau Rugi untuk pekongsi
- D Menentukan pengagihan modal pekongsi

23 Berikut merupakan jadual ambilan yang dilakukan oleh pekongsi bagi Perkongsian AQRAH

Tarikh Ambilan	Aqilah	Amira	Ahmad
	(RM)	(RM)	(RM)
1 April 2017	2 000	2 400	1 600
1 Jun 2017		1 200	
1 September 2017			2 700
1 November 2017	3 000		

Maklumat tambahan:

- (i) Faedah atas ambilan 5% setahun
- (ii) Tempoh perakaunan 1 Januari – 31 Disember 2017.

Berapakah faedah atas ambilan setiap pekongsi?

	Aqilah	Amira	Ahmad
A	100	105	125
B	105	125	100
C	100	125	105
D	125	100	105

24 Langkah pertama dalam merekod pembubaran dalam Jurnal Am adalah menutup dan memindahkan Akaun 'X' ke akaun Realisasi.

Antara berikut, manakah bukan X?

- A** Akaun belum terima
- B** Alatan pejabat
- C** Kenderaan
- D** Bank

25 Petikan Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada Perkongsian Izah dan Azizah.

Akaun Realisasi

2018		RM	2018		RM
Jun 30	Kenderaan	50 000	Jun 30	Bank	26 000
	Akaun belum terima	5 500		Bank	4 000
	Bank	3 000		Akaun belum bayar	1 500

Untung atau rugi dibahagi antara mereka dengan nisbah 1 : 2.

Berapakah untung atau rugi Izah?

- A** Rugi RM9 000
- B** Rugi RM27 000
- C** Untung RM9 000
- D** Untung RM27 000

26 Susun langkah-langkah dalam penubuhan sesebuah syarikat

- I Membayar fi pendaftaran
 - II Menerima notis pemerbadanan
 - III Membuat carian nama dan permohonan nama
 - IV Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat
- A** I, II, III, IV
 - B** II, III, IV, I
 - C** III, IV, I, II
 - D** IV, I, II, III

27 Pada 1 Julai 2017, Azharina telah membeli 3 000 unit 8% syer keutamaan RM2 sesyer daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan perkara yang berikut:

- i. Membayar dividen interim 2% pada 1 Oktober 2017.
- ii. Mengisytiharkan dividen akhir pada 30 Jun 2018

Hitung jumlah dividen akhir yang akan diterima oleh Azharina?

- A** RM80
- B** RM120
- C** RM240
- D** RM360

28 Maklumat berikut berkaitan dengan modal syer biasa Syarikat Kancil Berhad

Modal Diterbitkan	Nilai tara sesyer
1 000 000 unit	RM0.50

Berapakah jumlah modal berbayar Syarikat Kancil Berhad?

- A** RM125 000
- B** RM375 000
- C** RM500 000
- D** RM750 000

29 Urus niaga yang manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan.

- A** Faedah simpanan tetap.
- B** Menerima yuran pertandingan.
- C** Menerima komputer sebagai derma.
- D** Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab

30 Maklumat di bawah diperolehi daripada buku Kelab Setia pada 31 Disember 2017.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran

Yuran	3 640
-------	-------

Maklumat tambahan:

- i. Yuran belum terima pada 1 Januari 2017 ialah RM420
- ii. Yuran belum terperoleh pada 31 Disember 2017 ialah RM180

Hitungkan jumlah yuran yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

- A** RM3 040
B RM3 400
C RM3 640
D RM3 940

31 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Encik Adam yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

Baki akaun belum terima:	
1 Januari 2017	RM3 200
31 Disember 2017	RM5 500

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan jualan RM500
- (ii) Bayaran daripada akaun belum terima RM4 200

Berapakah jualan kredit?

- A** RM1 400
B RM2 400
C RM6 000
D RM7 000

32 Maklumat di bawah diambil daripada buku perniagaan Fast Work Enterprise.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
Modal	RM10 000	RM13 500

Maklumat tambahan:

- a. Ambilan dalam tahun 2017 ialah RM600
- b. Modal tambahan RM1 000 dibawa masuk dalam tahun tersebut

Berapakah untung bersih atau rugi bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2017?

- A** Untung bersih RM3 100
- B** Untung bersih RM3 900
- C** Rugi bersih RM3 900
- D** Rugi bersih RM3 100

33 Baki aset Gerai Buah-buahan Segar Nabil bernilai RM6 400 dan liabiliti sebanyak RM2 570 pada tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017.

Berapakah modal Gerai Buah-buahan Segar Nabil pada 1 Januari 2017 jika keuntungan perniagaan direkodkan sebanyak RM2 300 pada 31 Disember 2017?

- A** RM6 130
- B** RM3 830
- C** RM1 530
- D** RM8 970

34 Data menunjukkan kos yang terlibat dalam pengeluaran roti jenama BEST.

	RM
Kos berubah seunit	0.90
Jumlah kos tetap	5 000

Berapakah keuntungan yang diperolehi jika 10 000 unit roti dijual pada harga RM1.50 seunit?

- A RM1 000
- B RM4 000
- C RM10 000
- D RM15 000

35 Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?

- A Kos bahan mentah adalah kos tetap
- B Kos yang berubah mengikut tingkat pengeluaran
- C Kos yang tidak perlu dibelanjakan sekiranya tiada pengeluaran
- D Kos yang malar walaupun tingkat pengeluaran sifar

36 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran kerepek pisang oleh Opah Enterprise.

	RM
Kos tetap	20 000
Harga jualan sekilogram	10
Kos berubah sekilogram	6

Berapakah titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat kepada RM30 000?

- A 7 500 kilogram
- B 5 000 kilogram
- C 3 000 kilogram
- D 2 500 kilogram

37 Apakah rumus untuk mengira nisbah semasa?

- A $\frac{\text{Aset semasa}}{\text{Liabiliti semasa}}$
- B $\frac{\text{Aset Bukan Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
- C $\frac{\text{Aset semasa} - \text{Inventori akhir}}{\text{Liabiliti semasa}}$
- D $\frac{\text{Aset semasa} + \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti semasa}}$

38 Nisbah ini mengukur untung kasar yang diperoleh daripada setiap ringgit jualan bersih.

Apakah nisbah tersebut?

- A Pulangan atas modal
- B Margin untung kasar
- C Peratus untung bersih atas jualan
- D Peratus untung kasar atas kos jualan

39 Encik Iman memaklumkan firmannya akan memperoleh untung bersih sebanyak 45 sen bagi setiap RM1 jualan bersih.

Apakah nisbah yang dimaksudkan oleh Encik Iman?

- A Margin untung kasar
- B Pulangan atas modal
- C Margin untung bersih
- D Nisbah semasa

40 Maklumat berikut ialah baki buku Perniagaan Mariam pada 31 Disember 2017.

	RM
Inventori awal	3 800
Inventori akhir	5 400
Jualan	30 000
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 2.61 kali
- B 5.22 kali
- C 6.52 kali
- D 7.83 kali

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

